

**Agong Dan Permaisuri Lawat Indonesia Mulai Ahad
Bernama
15 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah akan melakukan lawatan rasmi selama dua hari ke Indonesia bermula Ahad.

Wisma Putra dalam satu kenyataan berkata Seri Paduka berdua akan diiringi Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebagai menteri pengiring dan beberapa pegawai kanan dari Kementerian Luar dan pejabat Perdana Menteri.

Tuanku Mizan dan Tuanku Nur Zahirah akan disambut Presiden Indonesia Dr.H.Susilo Bambang Yudhoyono dan isteri, Ani Yudhoyono pada istiadat sambutan rasmi di Istana Merdeka di Jakarta.

Presiden Indonesia dijadual menganugerahkan 'Bintang Republik Indonesia Adipurna', yang merupakan anugerah tertinggi Republik Indonesia kepada Yang di-Pertuan Agong.

Ia merupakan penganugerahan buat julung kalinya daripada Presiden Indonesia kepada Ketua Negara dari Malaysia sebagai melambang keakraban dan pertalian yang kukuh antara kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Dalam pada itu, Susilo dan Ani akan turut menjadi hos pada jamuan malam rasmi di Istana Merdeka sempena lawatan Seri Paduka berdua.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620138>